



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**TAJUK : “WASPADA SEBELUM KENA”
TARIKH: 3 OGOS 2018M / 21 ZULQA'DAH 1439H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

(Surah an-Nisa' : 29)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ، وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan
sekalian, marilah bersama-sama kita tingkatkan ketaqwaan kepada
Allah ﷻ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi

segala tegahan-Nya. Sesungguhnya insan yang bertaqwa itu akan beroleh kemenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Nikmat Islam yang dikecapi selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia.

Firman Allah ﷻ di dalam Surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya : *Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada agama Allah, dan janganlah berpecah belah.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “WASPADA SEBELUM KENA”.

SIDANG JUM'AT YANG DIMULIAKAN,

Harta adalah salah satu daripada nikmat Allah ﷻ. Dengan harta kita dapat menunaikan kewajipan yang dituntut oleh agama dan memenuhi keperluan hidup. Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia. Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Kahfi, ayat 46:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا
وَحَيْرٌ أَمَلًا

Maksudnya: *Harta benda dan anak-anak ialah perhiasan hidup di dunia; dan amalan soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik di sisi Tuhan kamu*

sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

Harta merupakan modal utama dalam membina kehidupan dan tamadun. Penyair Arab Ahmad Syauqi pernah bermadah:

بِالْعِلْمِ وَالْمَالِ يَبْنِي النَّاسُ مُلْكَهُمْ
لَمْ يُبْنَ مَلِكٌ عَلَى جَهْلٍ وَإِقْلَالٍ

Maksudnya: Dengan ilmu dan harta manusia membina kerajaan;
Kerajaan tidak dibina dengan kejahilan dan kemiskinan.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Dalam Islam, harta hanyalah alat bukannya matlamat. Harta menjadi alat untuk beribadat kepada Allah ﷻ dan memakmurkan dunia ini mengikut panduan Allah ﷻ. Selagimana harta digunakan sebagai alat yang membantu pelaksanaan amalan soleh, maka pemegang harta itu ialah orang soleh dan harta itu disebut sebagai harta terbaik.

Rasulullah ﷺ bersabda:

نِعْمَ الْمَالُ الصَّالِحُ لِلْمَرْءِ الصَّالِحِ

Maksudnya: “Sebaik-baik harta adalah untuk orang yang soleh.”

(Hadith riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad)

Sebaliknya, jika harta dianggap sebagai matlamat dan digunakan secara salah sehingga menimbulkan kerosakan di muka bumi, maka harta itu

sebagai bencana dan pemegang harta itu orang yang fasik. Sabda Rasulullah ﷺ:

تَعِسَ عَبْدُ الدِّينَارِ وَعَبْدُ الدِّرْهَمِ وَعَبْدُ الخَمِيصَةِ، تَعِسَ وَأَنْتَكَسَ،
وَإِذَا شِئِكَ فَلَا أَنْتَقَشَ

Maksudnya: “Binasalah hamba kepada wang ringgit dan pakaian mewah. Binasalah dia dan kecewa. Apabila dia ditimpa musibah, tiada siapa boleh membantunya.”

(Hadith riwayat Ibnu Majah)

Para ulamak menghuraikan hadith ini dengan menyatakan bahawa hamba harta ialah orang yang sibuk mencari harta dan kemewahan sehingga kehidupannya hanya bermatlamatkan harta. Oleh hal yang demikian, Rasulullah ﷺ mendoakan kebinasaan dan kekecewaan buat orang yang begini sifatnya.

SIDANG JUM‘AT YANG BERBAHAGIA,

Syariat Islam bertoleransi dalam soal pemilikan harta. Islam tidak menghalang penganutnya memiliki harta malah Islam menggalakkan usaha untuk memperoleh harta. Namun syariat Islam telah meletak garis panduan yang jelas dalam soal pemilikan harta, iaitu harta mesti diperolehi secara halal pada sumber dan bersih sifatnya.

Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Baqarah, ayat 172:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ

تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Makanlah daripada benda yang baik-baik (yang halal) yang telah Kami rezekikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika kamu benar-benar beribadat hanya kepada-Nya.*

Sebagaimana ajaran Islam menggalakkan pemilikan harta secara halal demi menjaga kemaslahatan umat, Islam juga sangat tegas melarang pemilikan harta secara haram seperti riba, rasuah, judi dan penipuan dalam jual beli. Kesemua perolehan harta melalui cara tersebut adalah zalim dan memudaratkan orang lain. Ia sangat ditegah oleh Islam.

Diriwayatkan daripada Saiyiduna Ka'ab bin 'Ujrah رضي الله عنه bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda kepada beliau:

يَا كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ، إِنَّهُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ، النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ.

Maksudnya: *“Wahai Ka'ab bin 'Ujrah! Sesungguhnya daging yang tumbuh daripada hasil yang haram tidak akan masuk syurga. Malah neraka lebih layak buatnya.”*

(Hadith riwayat Ahmad)

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Pada akhir zaman berlaku banyak penipuan dalam muamalah dan urusan jual beli. Fahaman kebendaan yang hanya bermatlamatkan harta menjadikan manusia kini tidak menghiraukan cara memperolehi harta, sama ada halal atau haram, asalkan harta dapat dimiliki. Zaman inilah yang dimaksudkan oleh Nabi ﷺ menerusi sabda Baginda:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ أَمِنَ الْحَلَالِ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ.

Maksudnya: “Suatu masa nanti akan berlaku keadaan seseorang itu tidak peduli harta yang diperolehi, sama ada harta itu daripada sumber yang halal atau haram.”

(Hadith riwayat al-Bukhari)

Antara cara muamalah jual beli dan urus niaga pada zaman ini adalah secara dalam talian (*online*). Kebaikan urus niaga cara ini adalah mudah dan cepat. Namun, ada juga keburukannya, iaitu membuka ruang untuk berlakunya penipuan. Seringkali kita baca dan dengar berita-berita berkaitan penipuan urus niaga dalam talian. Berhati-hatilah ketika mengurus niaga secara dalam talian. Inilah yang dikatakan waspada sebelum terkena. Keseronokan mengurus niaga secara dalam talian kadangkala membuatkan kita lupa dan leka sehingga ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan atas kelekaan kita.

Mimbar suka mengingatkan kedua-dua pihak, sama ada penjual atau pembeli agar mengurus niaga secara jujur dan mengikut lunas-lunas syarak. Bagi yang menjual, waspadalah sebelum terkena. Sepandai-

pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga. Manakala bagi yang membeli, waspadalah sebelum tertipu.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapatlah disimpulkan bahawa:

1. Harta hanyalah alat bukannya matlamat. Maka gunakanlah harta sebagai alat untuk mencapai keredhaan Allah ﷻ.
2. Syariat Islam menggalakkan pemilikan harta secara halal dan sah. Salah satunya adalah melalui urus niaga jual beli.
3. Berhati-hati terhadap sebarang penipuan urus niaga dalam talian.

Firman Allah ﷻ dalam Surah Ali 'Imran ayat 161:

وَمَنْ يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۖ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

Maksudnya: Dan sesiapa yang berkhianat, iaitu menggelapkan sesuatu, dia akan membawa bersama pada hari qiamat kelak: apa yang dikhianatinya itu; kemudian setiap orang akan disempurnakan balasan bagi apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun balasan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.